

**EMBARGO SEHINGGA 3:00 PTG, 12 MEI 2023**

**Kenyataan Akhbar**

**12 Mei 2023**

## PM Lancar Pembinaan Stesen Pertama ECRL

**Kota Bharu, Kelantan:** Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini telah melancarkan pembinaan stesen pertama Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu Stesen ECRL Kota Bharu, seiring dengan kemuncak pembinaan infrastruktur nasional ini yang disasarkan pada tahun 2023.

Terletak atas kawasan seluas 50.41 ekar di Bandar Baru Tunjong, pembinaan Stesen ECRL Kota Bharu akan merangkumi reka bentuk bangunan yang berteraskan konsep "Rumah Meleh Melayu Kelantan" dan bunga ketam guri serta menggunakan ciri-ciri unik kebudayaan negeri Kelantan.

Stesen ECRL Kota Bharu, yang dibina untuk kegunaan penumpang, akan melibatkan platform bertingkat dan bakal dilengkapi dengan kemudahan seperti tempat letak kereta, lokasi *pick-up* dan *drop-off*, laluan pejalan kaki berbumbung, kuarters pekerja serta kawasan lanskap.

Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pembinaan Stesen ECRL Kota Bharu menggambarkan kemajuan pembinaan infrastruktur nasional ini berada pada tahap yang membanggakan serta mengikut jadual yang ditetapkan.

"Pembinaan Stesen ECRL Kota Bharu akan meyakinkan lagi kerja-kerja infrastruktur bagi stesen-stesen yang lain di sepanjang jajaran ECRL dilaksanakan pada masa terdekat, dan seterusnya membolehkan penyiapan infrastruktur rel ini kekal siap pada Disember 2026," kata beliau sempena 'Majlis Pelancaran Pembinaan Stesen Pertama ECRL' yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Majlis yang penuh bermakna ini turut dihadiri Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob, Menteri Pengangkutan Loke Siew Fook, Ketua Pegawai Eksekutif MRL Dato' Sri Darwis Abdul Razak dan Pengarah Eksekutif China Communications Construction Company Ltd (CCCC) Liu Hui.

Tan Sri Zuki juga berkata, rangkaian ECRL sepanjang 665 kilometer akan mempunyai jumlah 20 buah stesen, iaitu 10 stesen penumpang dan 10 stesen gabungan penumpang & kargo. Inisiatif ini bakal menghubungkan ibu negeri, bandar-bandar, hab industri, pelabuhan serta zon pelancongan di negeri-negeri Pantai Timur dengan Lembah Klang pada tahap yang lebih efektif dan mesra alam.

Pengarah Eksekutif CCCC, Liu Hui, berkata: "Kami berasa teruja kerana dengan bermulanya kerja-kerja pembinaan stesen pertama di Kota Bharu, Projek ECRL kini telah memasuki fasa yang baharu. Ia adalah langkah ke hadapan memandangkan kemajuan projek kini telah bergerak dari kerja-kerja asas ke kerja-kerja pembinaan jajaran. Kami juga bangga dapat menyumbang kepada pembangunan pengangkutan yang selamat, efisien dan cekap bagi membolehkan penumpang ke destinasi dekat mahupun jauh."

"Dengan pengalaman pasukan kami yang meluas menerusi projek-projek yang bertaraf dunia, kami yakin dan komited untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi untuk Projek ECRL," tambah beliau.

Majlis pelancaran pada hari ini turut melibatkan penganugerahan sijil 'Sustainable INFRASTAR' dengan penarafan 5 Bintang oleh Construction Research Institute of Malaysia (anak syarikat CIDB Malaysia) kepada MRL dan CCCC bagi pengiktirafan reka bentuk laluan ECRL sebagai sebuah infrastruktur yang mampan dan telah mengamalkan ciri-ciri terbaik persekitaran dan sosial.

Sementara itu, majlis pelancaran hari ini juga menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) antara MRL, CCCC dan tiga institusi pendidikan untuk Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL). Institusi-institusi yang terlibat adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT).

Objektif MoU adalah untuk mendapatkan perkhidmatan dan kepakaran daripada institusi-institusi pendidikan sepanjang pelaksanaan program PLKI-ECRL. Ia juga melibatkan kerjasama dalam menyediakan latihan dan pendidikan serta mengeratkan hubungan antara peserta-peserta program. Program PLKI-ECRL turut akan menawarkan peluang kepada seramai 3,200 pelatih yang terdiri daripada anak muda tempatan untuk menyertai fasa pengoperasian ECRL kelak.

Pertukaran dokumen MoU juga disempurnakan antara MRL dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam kerjasama untuk mengukuh dan mempromosi latihan kerjasama industri serta dalam penyelidikan, perkongsian pengetahuan dan pembangunan modal insan.

Projek ECRL yang merentasi empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor telah mencatat kemajuan keseluruhan sebanyak 43 peratus setakat April 2023. Dengan lebih 1,200 tapak pembinaan di sepanjang jajaran, tahun 2023 merupakan kemuncak pembinaan Projek ECRL yang didorong antaranya oleh kerja-kerja terowong, pemasangan rasuk jejambat, kerja-kerja jajaran atas tanah, dan pembinaan stesen-stesen serta akan disusuli pemasangan landasan kereta api.

MRL, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan), merupakan pemilik projek dan aset ECRL manakala CCCC adalah kontraktor kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pentauliahan projek. Rangkaian ECRL sepanjang 665-kilometer akan bermula di Kota Bharu dan tamat di Pelabuhan Klang.

-Tamat-

---

Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Hazelinda Mazlan (03-6411 5800 samb. 5830 / hazelinda.mazlan@mrl.com.my) atau Yong Min Wei (03-6411 5800 samb. 5835 / mwyong@mrl.com.my) atau Ani Azureen Zainuddin (03-6411 5800 samb. 5913 / azureen@mrl.com.my)